

DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA TERENGGANU

DI KUALA TERENGGANU

DI NEGERI TERENGGANU

DI DALAM PERKARA TUNTUTAN PENYELESAIAN / PENJELASAN HUTANG SI

MATI

SAMAN NO: 11007-072-XXXX-2019

ANTARA

AA BINTI BB

...PLAINTIF

KP: 1234

DENGAN

CC BIN BB

...DEFENDAN (1)

KP: 5678

DD BINTI BB

...DEFENDAN (2)

KP: 91011

EE BINTI BB

...DEFENDAN (3)

KP: 1213

FF BINTI BB

...DEFENDAN (4)

KP: 1415

DI HADAPAN TUAN HAKIM,

TUAN ZAMZAM BIN ISMAIL, PJK.,

HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA TERENGGANU,

DI KUALA TERENGGANU.

PADA HARI ISNIN, 07 REJAB 1441H,
BERSAMAAN 02 MAC 2020.

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, tuntutan ini didengar untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu dengan kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarienya, Puan Asmayani Suhaida binti Kamaruddin daripada Tetuan Zamani Mohammad & Co., dan dengan kehadiran Defendan (1) bersama Peguam Syarienya, Encik Muhyiddin bin Murad daripada Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co., Defendan (2) hadir bersendirian manakala Defendan (3) dan Defendan (4) tidak hadir. Setelah meneliti pernyataan tuntutan Plaintiff beserta dokumen sokongan Plaintiff, dan Pernyataan Pembelaan yang telah difailkan oleh Defendan (1), **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

FAKTA KES

Kes yang didengar ini adalah Tuntutan Penyelesaian / Penjelasan Hutang Si Mati yang difailkan pada 04 November 2019 oleh Plaintiff, AA Binti BB, KP: 1234, terhadap adik beradik kandung Plaintiff iaitu Defendan (1) CC Bin BB, KP: 5678. Plaintiff juga menamakan tiga orang lagi adik beradik kandung beliau sebagai pihak Defendan-defendan, antaranya Defendan (2), DD Binti BB, KP: 91011, Defendan (3), EE Binti BB, KP: 1213 dan Defendan (4), FF Binti BB, KP: 1415.

Sebutan kali pertama kes telah diadakan pada 25 November 2019 bagi memberi ruang dan peluang kepada Defendan (1) memfailkan pembelaan. Defendan (2) dan Defendan (3) bersetuju dengan tuntutan ini dan telah memfailkan affidavit persetujuan pada 25 November 2019. Defendan (1) pula memasukkan pembelaan pada 08 Disember 2019. Semasa sebutan kali kedua kes bertarikh 11 Disember 2019, Defendan (4) juga bersetuju dengan tuntutan ini dan telah memfailkan affidavit persetujuan pada tarikh yang sama.

Mengikut tuntutan Plaintiff, Defendan (1) telah meminjam duit daripada Allahyarham BB bin GG (Si Mati) yang telah meninggal dunia pada 03 Mei 2018. Si Mati semasa hayat merupakan

seorang pesara kerajaan di Jabatan Perhutanan. Plaintiff telah mendakwa bahawa Defendan (1) meminjam duit secara sedikit demi sedikit untuk pelbagai kegunaan Defendan (1) seperti untuk menebus barang gadaian, kos membaiki kereta serta untuk melangsaikan hutang kereta (*full settlement*) yang mana kesemuanya berjumlah RM80,500.00.

Pada 10 Disember 2018, setelah membuat permohonan perintah pembahagian pusaka, Unit Pembahagian Pusaka Kuala Terengganu, Terengganu telah mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir kepada pihak Amanah Raya Berhad selaku pentadbir bagi harta alih khususnya wang simpanan Si Mati yang menyatakan bahawa pentadbir tersebut bertindak sebagai penerima deposit sehingga tuntutan hutang oleh waris Si Mati selesai di mahkamah.

Oleh demikian, Plaintiff menuntut agar satu perintah dapat dikeluarkan bagi mensabitkan dan mengesahkan bahawa Defendan (1) meminjam / berhutang dengan Si Mati sebanyak RM80,500.00 dan mengisytiharkan bahawa wang tersebut adalah harta milik Si Mati dan dibayar kepada Plaintiff untuk diserahkan kepada Amanah Raya Berhad selaku pentadbir.

Defendan (1) di dalam pembelaanya menafikan sekeras-kerasnya tuntutan Plaintiff ini dan meletakkan beban pembuktian ketat ke atas Plaintiff untuk mengemukakan butiran dakwaan serta pembuktian nyata atas dakwaan hutang terhadap Si Mati.

ULASAN PENGHAKIMAN

Mahkamah berpendapat sama ada boleh atau tidak mahkamah meneruskan kepada merit kes, mahkamah akan melihat terlebih dahulu berkenaan bidangkuasa mahkamah untuk mendengar kes ini. Isu bidangkuasa ini tidak ada disentuh oleh Plaintiff mahupun Defendan (1) khususnya.

Kes ini telah dibawa kepada mahkamah melalui kod kes 072 mengenai Tuntuan / Permohonan Penyelesaian Penjelasan Hutang Si Mati yang merupakan tambahan kod kes yang telah dikeluarkan oleh Arahan Amalan No. 6 Tahun 2010 dengan tarikh kuatkuasa pada 30 Julai 2020. Tambahan kod kes ini tidak diberikan justifikasi namun bolehlah difahami sebagai perkara-perkara yang melibatkan hutang Si Mati. Mahkamah mendapati bahawa kod kes 072 Arahan

Amalan No. 6 Tahun 2010 tidak bertepatan dengan Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001.

Bagi menentukan apakah fokus utama kod kes itu diwujudkan, mahkamah akan melihat kepada bidangkuasa mahkamah ini. Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul Al-Qada' fil Islam, terbitan Matbaah Al 'Aalamiyah, Kaherah, 1964, yang mana pada muka 54 telah menyebut:

هو أن يخصص ولي الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذل بنوع معين من القضايا ، كما لأحوال الشخصية ، أو المدنى ، أو التجارى، أو الجنائى إلى غير ذلك فلا يصح له أن ينظر فى نوع آخر غيره

Maksud: Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.”

Mengikut kehendak Hukum Syarak sebagaimana yang dinyatakan itu, di Malaysia, khususnya dalam negeri Terengganu, undang-undang negeri telah memperuntukkan bidangkuasa yang diberikan oleh Pemerintah kepada Mahkamah-Mahkamah Syariah. Mengenai persoalan ini bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah telah diperuntukkan di dalam subseksyen 12 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang memperuntukkan seperti berikut:

Seksyen 12. Bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah.

(1) Sesuatu Mahkamah Rendah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Terengganu dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Rendah.

(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah-

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi seratus ribu ringgit atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan hadhanah atau harta sepencarian).

Manakala bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah lebih khusus dan tersusun sepertimana disebut di bawah Sekseyn 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 seperti berikut:

Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah.

(1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Negeri Terengganu dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Ketua Hakim Syarie boleh bersidang sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan mengetuai Mahkamah itu.

(3) *Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-*

(a) dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu; dan

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(i) pertunangan, perkahwinan, ruju', perceraian, pembubaran perkahwinan (fasakh), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri;

(ii) apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (i);

(iii) nafkah orang-orang tanggungan, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

(iv) pembahagian atau tuntutan harta sepencarian;

(v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut;

(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;

(vii) wakaf atau nazar;

(viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

(ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati yang beragama Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya masing-masing orang itu berhak;

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam;

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya; dan

(xii) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Menurut peruntukan Seksyen 12 dan Seksyen 11 di atas, dalam kes-kes mal melainkan berbezanya amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu, Mahkamah Rendah Syariah hanya mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang Mahkamah Tinggi Syariah diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya. Di dalam kes ini, hutang yang dituntut oleh Plaintiff merupakan hutang yang dibuat oleh Defendan (1) terhadap Si Mati atau secara mudahnya hutang yang dibuat oleh si anak terhadap bapanya.

Bidangkuasa secara khusus sebegini tidak disebut di bawah Seksyen 12 bahkan tidak disebut di bawah Seksyen 11. Menariknya subseksyen (11)(3)(b)(ii) yang dibaca bersama (ii) ada menyentuh berkenaan *apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit* namun sebegini ia hanya menghadkan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami

isteri. Hubungan di antara Defendan (1) iaitu si penghutang dan Si Mati iaitu pemiutang ini bukan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami isteri.

Setelah mahkamah meneliti segala peruntukan-peruntukan yang ada di dalam peruntukan dibawah bidangkuasa mahkamah Syariah ternyata tuntutan Plaintiff adalah di luar bidangkuasa yang diberikan oleh undang-undang. Justeru itu, mahkamah menolak tuntutan Plaintiff berdasarkan tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan mahkamah mendengar dan membicarakan serta memutuskan tuntutan Plaintiff.

KEPUTUSAN

SAYA PUTUSKAN Tuntutan Penyelesaian / Penjelasan Hutang Si Mati yang difailkan oleh Plaintiff, AA Binti BB, KP: 1234 ke atas Defendan (1) CC Bin BB, KP: 5678, Defendan (2) DD Binti BB, KP: 91011, Defendan (3), EE Binti BB, KP: 1213 dan Defendan (4) FF Binti BB, KP: 1415 ditolak.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu pada hari ini Isnin, 07 Rejab 1441H bersamaan 02 Mac 2020.

METERAI

HAKIM